



MANAVI (tengah) melawat rumah Rahmat (kiri) dan anak-anak

# 'Isteri bosan hidup susah'

■ **Lelaki lembam ditinggal bersama dua anak diri**

**Oleh Mary Victoria Dass**  
maryvictorad@metro.com.my  
**Johor Bahru**

**W**alaupun serba kekurangan, seorang lelaki lembam nekad menaja dua anak tirinya dalam pondok usang di kawasan setinggan di Taman Sei Pandan di sini, sejak isterinya mengahungkan diri lima tahun lalu.

Bekerja sebagai tukang rumah dengan pendapatan kira-kira RM400 sebulan, Rahmat Mori, 54, memikul tanggungjawab membesarkan dan menyekolahkan anak tirinya, Mohd Mawi, 13, dan Siti Nuhalla, 10.

lari meninggalkan dua anaknya untuk saya juga sejak lima tahun lalu," katanya.

Rahmat bagaimanapun bersyukur kerana kedua-dua anak tirinya tidak mengeluh dengan kehidupan serba kekurangan.

"Saya bukan tidak sayang isteri, namun hanya mampu bekerja sebagai tukang rumah dan pendapatan tidak pernah melebihi RM400 sebulan."

"Saya berkahwin enam tahun lalu kerana kasihan dengan wanita berkenaan yang menyara dua anak dan berjanji mahu menaja anaknya sebaik mungkin.

"Namun, tidak sangka dia (isteri) mohon cerai untuk berkahwin lain dan langsung tidak mengambil talaq nasib kedua-dua anaknya." Kata myri yang menerima kunjungan Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Manavi Ibrahim, semalam.

Menurut Rahmat, dengan pendapatan rendah, dia tidak mampu berpindah mencari kediaman lain yang

lebih selesa kerana perlu menyediakan deposit sewa selain membayar bil air dan elektrik.

"Di sini, kami bertiga bergantung kepada air hujan untuk memasak, mandi dan makan minum manakala waktu malam, kami gunakan lilin," katanya yang hanya mampu menyediakan bubur nasi dengan telur goreng atau ikan bilis untuk anaknya.

Rahmat berkata, walaupun tinggal dalam pondok usang, dia bersyukur kerana kedua-dua anak tirinya sihat dan masih bersemangat untuk belajar.

Rahmat bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM200 sebulan selain Bantuan.

"Saya mahu mohon rupa mereka negeri tetapi tidak tahu caranya.

"Malah saya berharap menghantar anak perempuan ini ke sekolah asrama kerana dia semakin remaja, tidak elok tinggal di pondok bersama saya," katanya.

Sementara itu, Manavi berkata, keadaan tempat tinggal keluarga itu yang serba kekurangan tidak sesuai kerana faktor keselamatan.

"Kami juga membantu keluarga ini terutama tempat tinggal dan persekolahan dua anak tirinya," katanya.

# Rengekan manja hilangkan resah

**Kejala Batas:** "Kami mengetahui mengenai penyakit dihidapi Siti Hajar sejak kandungan saya berusia lima bulan lagi. Namun kerana menganggap dia anugerah Allah, saya dan suami sepakat melihat dia lahir ke dunia ini dan menajanya walaupun tidak sempurna seperti bayi lain."

Demikian kata Zuraini Mahmood, 42, ibu kepada bayi menghidap masalah kepalasemakin membesar Siti Hajar Azman, kini berusia 10 bulan ketika ditemui di rumah sewanya di No 546 Permatang Tok Galam, Penang di sini, semalam.

Zuraini berkata, dia dan suami Azman Musa, 42, menyipam hasrat melihat Siti Hajar yang dilahirkan 8 Oktober tahun lalu di Hospital Seberang Jaya (HSJ) sembuh seperti biasa dan masalah pembesaran pada kepalanya dapat dipulihkan.

Namun, mereka agak kecewa apabila doktor mereka memeriksa dan maldokumentasi masalah itu mungkin tidak dapat dipulihkan sebalikannya hanya dapat dihentikan daripada te-

rus membesar melalui pembedahan.

"Ada ketika kami sekeluarga sayu melihat Siti Hajar dalam keadaan begitu, tetapi gelagatnya kerap mengengker kerana mahu dimanjakan menyengap seketika resah kerap memikirkannya masa hadapan,"

Pasangan itu amat berharap agar pembedahan dapat dilakukan dengan segera untuk mengelakkan kepala bawanya itu semakin membesar namun terpaksa menunggu kelulusan daripada doktor merawatnya.

Dia juga hanya bekerja di sebuah kilang di Pulau Pinang manakala suaminya mengambil upah melakukan kerja kampung dengan pendapatan kasar hanya sekitar RMI,500 sebulan, selain mempunyai dua lagi anak lairu Hairi Akmar Azman, 10, dan Hazzree Husairi, 6.

Orang ramai yang ingin mengulurkan bantuan kepada bayi malang itu boleh menghubungi Zuraini di nombor 019-5618699 atau terus ke kediaman pasangan itu.



ZURAINI bersama Azman membelai Siti Hajar.